

# Minta siasat lagi

## Peguam Negara kembalikan kertas siasatan NFCorp kepada polis

FOTO | Adib Rawi

>>Oleh Asmah Rusman  
asmah@hmetro.com.my

**C**HERAS: Peguam Negara sudah mengembalikan kertas siasatan berhubung Perbadanan Fidlot Nasional (NFCorp) kepada polis dan meminta siasatan lanjut berkenaan kes itu dijalankan.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Khalid Abu Bakar berkata, pihaknya akur dengan permintaan dikemukakan Peguam Negara itu dan bersedia untuk menyiasat lagi NFCorp.

“Peguam Negara mahu kita siasat, kita akan siasat, tapi tak perlu buat sebarang andaian selagi siasatan terperinci belum selesai,” katanya dalam sidang media selepas Majlis Penutupan Rasmi Program Diploma Sains Siasatan (DSS) sesi 2010/2011 di

Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM), semalam.

Sementara itu, Khalid turut mengulas insiden kekecohan semasa perhimpunan Hijau 2.0 di Pulau Pinang, 26 Februari lalu yang menyebabkan seorang wartawan Kwong Wah Jit Poh dan jurukamera akhbar itu cedera selepas dipukul menggunakan topi kelidar.

“Polis akan meneliti rakaman video dan gambar yang diterima, selain menyiasat dakwaan kononnya tiada tindakan diambil polis ketika insiden terbabit,” katanya.

Katanya, siasatan juga akan mengambil kira keterangan orang awam yang berada di tempat kejadian, selain pengakuan wartawan yang dipukul itu bagi mengukuhkan bukti yang ada sebelum sebarang tangkapan dibuat.

“Kita akan rakam ketera-



MESRA...Khalid bersama graduan Diploma Sains Siasatan, semalam.

ngan sebelum menahan mereka yang terbabit manakala dakwaan terhadap polis yang dikatakan tidak mengambil peduli akan diteliti dan jika benar ada berlaku, tindakan akan diambil,” katanya.

Perhimpunan Hijau 2.0 yang disertai kira-kira 500 orang di Sudut Pidato, Padang Kota itu kecoh, termasuk kereta rasmi dinaiki Ketua Menteri, Lim Guan Eng dikepung.

Kekecohan tercetus apabila kira-kira 50 ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk kumpulan bermotivasi turut berada di kawasan berkenaan bermula jam 6 petang.